

# Bakti SUKSIS UMS pupuk semangat kemasyarakatan

UB 31.07.2024 P.04

**KOTAKENABALU:** Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (SUKSIS) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Program Bakti SUKSIS UMS 2024 bersama komuniti di Kudat, baru-baru ini.

Program itu antara lain bertujuan memberi khidmat masyarakat kepada penduduk Kampung Tinangol serta pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pinawantai.

Timbalan Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah, ACP Abdul Rahman Kassim, berkata sikap serta semangat kerja berpasukan ditunjukkan pelatih SUKSIS sememangnya amat diperlukan.

Katanya, ia sebagai peminat kejayaan dan kecemerlangan sesebuah program.



**TERBAIK:** Penyerahan sumbangan buku Yaasin dan sejadah untuk kegunaan jemaah Masjid Al-Munawwarah Matunggong.

“Syabas saya ucapkan kepada pelatih Kor Sukarelawan Polis UMS, jurulatih dan pegawai penyelarasan.”

“Harapan saya semoga program ini memberi suntikan semangat kepada kita semua memperkasakan lagi nilai-

nilai kemasyarakatan dalam diri,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan program

itu yang dihadiri kira-kira 200 peserta bersama 65 kor pelatih SUKSIS UMS.

Antara aktiviti yang di-



**SUMBANGAN:** Penyerahan sumbangan makanan kepada penduduk Kampung Tinangol.

jalankan sepanjang program adalah ceramah pementapan sahsiah untuk pelajar sekolah, gotong-royong membersihkan kawasan sekitar, perkhidmatan gunting rambut percuma dan lukisan mural di bangunan SMK Pinawantai.

Sementara itu, Pengarah Program Bakti SUKSIS UMS

2024, Jesnita Jsbal, berkata program itu melatih mereka menghayati slogan ‘Polis dan masyarakat berpisah tiada’.

“Di samping itu, ia memberi kesedaran kepada pelatih tentang sikap prihatin terhadap masalah masyarakat dan tidak hanya tertumpu kepada kehidupan kampus dan akademik semata-mata,” katanya.

Hadirsama Pegawai Turus Koordinasi Sumber Sokongan Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah, Supt. Awang Anak Suanda; Ketua Bahagian Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Ibu Pejabat Polis Daerah Kudat, ASP Rugis Anak Lidom; Timbalan Komandan Kor SUKSIS UMS, Supt. KS Profesor Madya Dr. Peter Voo Su Kiong serta Pengetua SMK Pinawantai, Abdul Gani Haiyun.



**KREATIF:** Mural yang dihasilkan oleh Kor SUKSIS UMS di SMK Pinawantai.



**INTERAKSI:** Sukaneka bersama pelajar SMK Pinawantai.



**KERJASAMA:** Gotong-royong di Masjid Al-Munawwarah Matunggong.